

MEMBANGUN KEMAHIRAN GENERIK MENERUSI PERSATUAN DAN KELAB DI POLITEKNIK MALAYSIA

Ahmad bin Esa

Jailani bin Md. Yunus

Noraini binti Kaprawi

Abstract

This working paper tries to identify the developing of the generic skills among the students at the polytechnic through their society and club activities. The design of the research that had been used is descriptive method which involved the lectures and the students from six polytechnics in Malaysia. The instrument that had been used is the Generic Skills Questionnaire Form constructed by the researcher. The data had been analyzed using the SPSS program version 11.5. The result of the research shows that through society and club activities the students not only get the benefit for their social activities but also a few others generic skills such as communication skills, solving problems, making decisions, leadership, management, interpersonal and working in group. The result from the research that had been done shows that society and club activities among the technical students are important because it also help towards the generic skills that they will implement in their career.

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti pembangunan kemahiran generik di kalangan pelajar di politeknik menerusi kegiatan persatuan dan kelab. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah kajian deskriptif yang melibatkan pensyarah dan pelajar di enam buah politeknik di Malaysia. Instrumen yang digunakan ialah Borang Soal Selidik Kemahiran Generik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Data-data yang telah diperoleh, dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 11.5. Dapatan kajian menunjukkan menerusi kegiatan persatuan dan kelab pelajar bukan sahaja mendapat faedah daripada segi bersosialisasi tetapi pelajar turut menerima beberapa kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, pengurusan, interpersonal dan bekerja dalam kumpulan. Hasil kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa kegiatan persatuan dan kelab di kalangan pelajar aliran teknik adalah penting kerana turut menyumbang kepada pembangunan kemahiran generik yang dapat mereka aplikasikan apabila menceburi alam pekerjaan.

1.0 Pengenalan

Beberapa orang ahli akademik dan penyelidik menyatakan aktiviti kokurikulum adalah pelengkap kepada kurikulum dan berpotensi membangunkan potensi individu. Persatuan dan kelab adalah sebahagian daripada aktiviti kokurikulum. Justeru persatuan dan kelab juga sewajarnya dianggap pelengkap kepada sistem akademik dan dapat memberi pengetahuan dan menjana beberapa kemahiran untuk membangunkan potensi individu. Antara kemahiran yang sepatutnya dapat dibangunkan menerusi persatuan dan kelab ialah kemahiran generik. Kemahiran generik ialah kemahiran umum yang penting dikuasai oleh individu untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan, pendidikan dan kehidupan (NCVER's, 2003).

Walaupun demikian, terdapat tanggapan negatif terhadap kegiatan persatuan dan kelab yang wujud dalam bentuk kokurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia, sama ada dikemukakan oleh para pendidik atau di kalangan ibu bapa. Para pendidik menganggap aktiviti kokurikulum seperti persatuan dan kelab sebagai satu beban terhadap rutin akademik yang mereka jalankan (Kementerian Pendidikan, 2000).

Di kalangan ibu bapa, terdapat kecenderungan mereka terlalu memberi penekanan kepada aspek pencapaian akademik dan menganggap kegiatan kokurikulum seperti persatuan dan kelab tidak memberi sumbangan kepada pencapaian akademik anak-anak mereka (Mustafa Kamal Ali, 2000 dan Mohamad Nor Mohamad Taib, 1990).

Namun demikian, terdapat juga beberapa pihak yang menyatakan bahawa kegiatan persatuan dan kelab di institut pendidikan memberi kesan positif kepada pelajar

kerana mereka secara tidak langsung mempelajari beberapa kemahiran generik seperti Keystone Central School District (2002) dan Matthews (2000).

2.0 Pernyataan Masalah.

Institut pendidikan teknik dan vokasional berorientasikan memberi peluang kepada pelajar di peringkat sijil dan diploma memasuki alam pekerjaan. Oleh itu, sewajarnya pelajar didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri sebagaimana yang ditegaskan oleh Warwick (1989), Abbot (1997), Strom (1996) dan Wirth (1992). Satu daripada jenis institut pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia ialah politeknik. Politeknik bertujuan melahirkan kelulusan separa profesional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan yang seimbang daripada segi kemahiran teknikal dan kemanusiaan di peringkat sijil dan diploma bagi memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian, menurut Seo (2003), kemahiran generik perlu menjadi pelengkap kepada pengetahuan teori dan amali kepada para pelajar di politeknik.

Namun demikian untuk melaksanakan kemahiran generik menerusi kurikulum sahaja tidak mencukupi memandangkan di politeknik beban akademik lebih berfokus kepada kerja-kerja amali di bengkel dan penteorian di dalam bilik darjah yang berorientasikan hasil kerja-kerja amali dan keputusan peperiksaan (Seo, 2003 dan Ismail

Bakar, 2003. Oleh itu, kurikulum yang antaranya melibatkan kegiatan berpersatuhan dan kelab merupakan alternatif untuk pelajar membangunkan kemahiran generik.

Persatuan dan kelab menerusi kurikulum dianggap pelengkap kepada kurikulum dan berpotensi mengembangkan potensi individu menurut Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984) adalah relevan dengan misi Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu “Membina kurikulum teknikal dan vokasional untuk membentuk insan yang seimbang yang progresif, kreatif,inovatif, berfikiran kritis dan beretika luhur ke arah pembangunan teknologi dan ekonomi negara.”

Bekas Ketua Timbalan Pengarah Pendidikan Teknik Malaysia, Ahamad Sipon (2003) sendiri mengakui peri pentingnya persatuan dan kelab untuk membangun kemahiran generik yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan di kalangan para pelajar politeknik seperti petikan berikut,

*“Pelajar bukan sahaja perlu dilatih untuk menguasai ilmu dalam disiplin tertentu; malahan mereka perlu menyedari hakikat bahawa suasana bekerja masa hadapan memerlukan mereka mempunyai pelbagai kemahiran (multi-functional skills). Bagi mencapai matlamat tersebut, program kurikulum membantu mendidik pelajar mengaplikasikan kemahiran yang mereka pelajari di bilik darjah. **Persatuan-persatuan** contohnya seperti **Persatuan Kejuruteraan Awam, Persatuan Perdagangan, Persatuan***

Pertanian dan lain-lain merupakan platform untuk pelajar berlatih kemahiran berkomunikasi di samping mengaplikasikan teori yang dipelajari untuk melaksanakan sesuatu projek. Penglibatan ini boleh menerap nilai-nilai dan etika pekerjaan yang akan membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan yang ia mahir dan pada masa yang sama memahami disiplin kemahiran orang lain.”

Berdasarkan pernyataan-pernyataan dan bukti-bukti yang dikemukakan adalah wajar satu kajian berkaitan persatuan dan kelab membina kemahiran generik di kalangan pelajar di politeknik-politeknik dijalankan.

3.0 Soalan Kajian

Soalan kajian ialah seperti berikut,

- a) Sejauh manakah penerapan kemahiran generik dalam kegiatan persatuan dan kelab di kalangan pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia?
- b) Sejauh manakah pengaplikasian kemahiran generik diterima menerusi kegiatan persatuan dan kelab dalam kokurikulum di kalangan para pelajar di politeknik-politeknik Malaysia?
- c) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan kemahiran generik dalam kegiatan persatuan dan kelab oleh pensyarah dengan pengaplikasian kemahiran generik yang diterima oleh pelajar menerusi kegiatan persatuan dan kelab di politeknik-politeknik Malaysia?

4.0 Metode Kajian

Reka bentuk penyelidikan yang dijalankan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan sampel. Responden yang terlibat dalam penyelidikan yang dijalankan ialah 81 orang pensyarah dan 125 orang pelajar yang dipilih menggunakan teknik persampelan kelompok banyak tahap yang melibatkan enam buah politeknik di Malaysia.

Instrumen yang digunakan ialah borang Soal Selidik Kemahiran Generik (Menggunakan Skala Likert) yang dibina sendiri oleh penyelidik. Oleh yang demikian kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaan item-item yang dibina. Didapati kesemua item yang dikemukakan di dalam Borang Soal Selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan ujian analisis kebolehpercayaan yang telah dijalankan. Nilai alfa yang diperoleh bagi keseluruhan item yang terkandung di dalam soal selidik pensyarah ialah 0.9867 dan di dalam soal selidik pelajar ialah 0.9775.

Data-data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 11.5. Statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min manakala nilai alfa 0.05 digunakan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan atau terdapat perbezaan yang signifikan dalam Ujian t yang dijalankan.

5.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah kokurikulum yang mengajar persatuan dan kelab di politeknik-politeknik Malaysia mengakui mereka telah mengajar kemahiran generik dengan cemerlang seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan (Jadual 1) menerusi aktiviti persatuan dan kelab.

Jadual 1 Min Keseluruhan Setiap Kemahiran Generik Bagi Pensyarah Dan Pelajar

| Kemahiran Generik | Responden | Pensyarah (Min) | Pelajar (Min) |
|------------------------|-----------|-----------------|---------------|
| Komunikasi | | 3.9754 | 3.9567 |
| Penyelesaian masalah | | 4.0728 | 4.0544 |
| Membuat keputusan | | 4.0901 | 3.9987 |
| Kepimpinan | | 4.2698 | 4.0796 |
| Bekerja dalam kumpulan | | 4.2975 | 4.1776 |
| Interpersonal | | 4.1925 | 4.0176 |
| Pengurusan | | 4.0826 | 3.8955 |
| Keseluruhan | | 4.1408 | 4.0257 |

Berdasarkan Jadual 1 juga didapati pelajar yang mengikuti persatuan dan kelab dalam kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia mengakui mereka boleh

mengaplikasikan kemahiran generik dengan cemerlang seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan setelah mempelajarinya menerusi persatuan dan kelab di politeknik.

Kedua-dua responden iaitu pensyarah dan pelajar juga memberi maklum balas yang positif terhadap setiap kemahiran dan atribut yang terkandung dalam setiap domain kemahiran yang dikemukakan (Rujuk Lampiran A). Kemahiran dan atribut komunikasi yang dipersetujui oleh responden diterap dan boleh diaplikasi menerusi aktiviti persatuan dan kelab di politeknik Malaysia ialah lisan bahasa Melayu dan Inggeris, penulisan bahasa Melayu dan Inggeris, mendengar, memberi dan menerima arahan, menyampai dan memahami maklumat. Selain daripada itu, mereka juga bersetuju dengan kebolehan mentafsir simbol, lambang, moto, logo, warna dan bahasa isyarat.

Kemahiran dan atribut membuat keputusan yang dipersetujui oleh responden ialah seperti dapat mengenal pasti keperluan membuat keputusan, melaksanakan proses membuat keputusan iaitu menyenaraikan, memilih, melaksana dan membuat penilaian ke atas alternatif dalam membuat keputusan. Mereka juga bersetuju dengan kemahiran seperti berani dan bertanggungjawab di atas keputusan yang dibuat dan berkemahiran membuat keputusan pada masa yang tepat.

Dalam konteks kemahiran pengurusan pula, dapatan menunjukkan kesemua prinsip asas dalam pengurusan dipersetujui oleh pihak responden iaitu sama ada oleh pensyarah daripada segi telah melaksanakannya dengan cemerlang menerusi persatuan

dan kelab atau oleh pelajar daripada segi boleh mengaplikasikan dengan cemerlang setelah menerimanya menerusi persatuan dan kelab.

Prinsip-prinsip asas tersebut ialah perancangan, pengorganisasian,pelaksanaan, penilaian, konflik dan kawalan. Perancangan merangkumi kemahiran dalam menentukan matlamat, objektif, program, strategi dan penggunaan sumber organisasi. Pengorganisasian merujuk kepada kemahiran untuk menstrukturkan, mengagih tugas, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan organisasi. Pelaksanaan dilihat dalam konteks kemahiran mengurus kewangan, sumber manusia, peralatan, dokumentasi dan masa.

Pihak responden juga bersetuju dengan kemahiran penilaian yang mengandungi beberapa kemahiran seperti melakukan penilaian ke atas diri sendiri, orang lain, matlamat, objektif, program dan strategi dalam sesebuah organisasi. Selain daripada itu mereka juga menyatakan persetujuan terhadap beberapa prinsip kawalan organisasi seperti menetapkan piawaian, mengesan kesilapan, menyelia perkembangan, memastikan ahli mempunyai matlamat yang sama dan mengawal sumber daripada pembaziran perlu dimiliki oleh setiap pekerja yang bekerja di industri. Mereka juga bersetuju terhadap beberapa kemahiran dalam konteks kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan konflik organisasi seperti menangani konflik secara bersendirian, rundingan, aduan pelanggan dan termasuklah mewujudkan konflik untuk membina organisasi.

Kemahiran dan atribut kepimpinan yang dipersetujui oleh responden ialah memberi arahan, bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran, boleh ubah suai mengikut keadaan, memberi motivasi, teladan dan bimbingan kepada rakan, tabah menghadapi dugaan, berani membuat perubahan, boleh bekerja tanpa pengawasan, menghormati dan

berlaku adil kepada orang lain, melaksanakan kuasa dengan amanah, boleh menerima teguran, dapat mengawal emosi, menjaga kebajikan ahli, bertanggungjawab (akauntabiliti), jujur, membina sikap berdaya saing dan pemikiran intelektual dan menjalankan tugas dengan komited.

Para responden juga bersetuju dengan beberapa kemahiran dan atribut dalam kemahiran bekerja dalam kumpulan. Antaranya ialah membantu ahli dalam kumpulan, menyelesaikan masalah dan keputusan secara bersama, menyumbang dan memberi idea kepada rakan dalam kumpulan, boleh bekerja dengan orang atasan dan orang bawahan serta menerima kritikan, menentukan strategi dan objektif kumpulan.

Selain daripada itu para responden juga bersetuju dengan beberapa kemahiran yang berkaitan dengan kemahiran interpersonal seperti menjelaskan idea kepada orang atasan dan bawahan, membina keterampilan diri yang positif, menghormati prinsip dan menerima orang lain tanpa syarat, bergaul dengan rakan dari pelbagai kaum, status dan negeri.

Kemahiran-kemahiran penyelesaian masalah yang dipersetujui oleh responden ialah seperti kemahiran penyelesaian masalah, pihak pensyarah mengakui mereka telah mengajar beberapa kemahiran seperti menyedari kewujudan masalah, melaksanakan proses penyelesaian masalah iaitu mengenal pasti punca, menyenarai, memilih, melaksana dan membuat penilaian ke atas alternatif dalam penyelesaian masalah. Selain daripada itu, berasa berani, yakin, sabar dan sentiasa bermotivasi untuk berhadapan dengan masalah.

Jadual 2 Ujian t Kemahiran Generik Yang Diterap dan Kemahiran Generik Yang Boleh Diaplifikasi Menerusi Persatuan Dan Kelab.

| Kemahiran Generik | Nilai Signifikan |
|-------------------------------|------------------|
| Komunikasi | 0.784 |
| Penyelesaian masalah | 0.812 |
| Membuat keputusan | 0.244 |
| Kepimpinan | *0.005 |
| Bekerja Dalam Kumpulan | 0.110 |
| Interpersonal | *0.019 |
| Pengurusan | *0.006 |
| Kemahiran Generik Keseluruhan | 0.061 |

* Terdapat perbezaan yang signifikan

Merujuk kepada Jadual 2, nilai signifikan yang diperoleh hasil Ujian t bagi kemahiran generik keseluruhannya melebihi nilai alfa yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan kemahiran generik dalam kegiatan persatuan dan permainan oleh pensyarah dengan pengaplikasian kemahiran generik yang diterima oleh pelajar menerusi kegiatan persatuan dan kelab di politeknik-politeknik Malaysia.

Walau bagaimanapun daripada segi domain kemahiran generik, didapati terdapat tiga domain yang mempunyai nilai alfa kurang daripada 0.05 iaitu kepimpinan, interpersonal dan pengurusan. Didapati bagi ketiga-tiga domain kemahiran tersebut, penerapan kemahiran generik menerusi persatuan dan kelab di kalangan pensyarah adalah lebih tinggi daripada kebolehan pelajar mengaplikasikan kemahiran generik setelah mempelajarinya menerusi persatuan dan kelab (Sila rujuk nilai min di dalam Jadual 1).

6.0 Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan daripada penyelidikan ini menunjukkan kegiatan persatuan dan kelab dalam kurikulum di politeknik-politeknik Malaysia dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran generik. Ini adalah berdasarkan maklum balas daripada kedua-dua pihak iaitu pensyarah memperakui mereka telah menerap kemahiran generik menerusi kegiatan kurikulum dan pelajar mengakui mereka boleh mengaplikasikan kemahiran generik setelah mengikuti kurikulum persatuan dan kelab di politeknik-politeknik Malaysia. Ini memberi implikasi bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti persatuan dan kelab boleh membangunkan potensi diri mereka. Dapatan ini telah menyokong beberapa pandangan dan hasil penyelidikan yang terdahulu berkaitan dengan faedah mengikuti kurikulum seperti yang dikemukakan dan diperoleh oleh Walker (2003), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988) dan Teng Boon Tong (1984).

Berdasarkan dapatan tersebut, adalah wajar institusi pendidikan seperti politeknik terus memperkasa kurikulum jenis persatuan dan kelab. Selain daripada mewujudkan persatuan dan kelab berdasarkan subjek yang diajar di dalam sebuah politeknik, persatuan dan kelab juga boleh diwujudkan berdasarkan persekitaran dan keperluan masyarakat Malaysia. Misalnya mewujudkan persatuan dan kelab integrasi nasional, integriti dan kesenian Malaysia. Bagi pihak pelajar, mereka perlulah menunjukkan iltizam dan komitmen yang tinggi apabila berpeluang mengikuti persatuan dan kelab, malahan sewajarnya penglibatan mereka adalah berkesinambungan apabila tamat pengajian di politeknik dengan menceburi persatuan dan kelab di peringkat kampung, daerah, negeri dan negara.

Selain daripada itu, dapatan kajian telah menunjukkan pensyarah telah menerapkan kemahiran kepimpinan, interpersonal dan pengurusan menerusi kurikulum pada tahap yang lebih tinggi secara relatif berbanding dengan kebolehan mengaplikasi kemahiran tersebut oleh pelajar. Justeru itu, satu strategi yang holistik dan bersepadu perlu direncanakan untuk meningkatkan impak aktiviti persatuan dan kelab terhadap tahap boleh guna kemahiran generik para pelajar. Satu daripadanya ialah menggunakan *strategi problem based learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum persatuan dan kelab di politeknik. Sebagai contohnya menerusi aktiviti perniagaan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelajar akan membuka peluang kepada mereka untuk mengaplikasi kemahiran memimpin, interpersonal dan pengurusan secara praktikal.

Sesungguhnya adalah satu keberuntungan kepada mereka yang menyertai persatuan dan kelab secara aktif di institusi pendidikan di Malaysia. Ini adalah kerana

pelajar bukan sahaja dapat bersosialisasi tetapi turut membangunkan kemahiran generik. Penguasaan kemahiran generik merupakan satu nilai tambah kepada pelajar kerana kebanyakan majikan di dunia memerlukan kemahiran tersebut dimiliki oleh pekerja mereka seperti ditegaskan oleh Callan (2003), Dawe (2002), Kearns (2001).

Rujukan

Abbott, I. 1997. Why Do We Have to Do Key Skills? Student Views about General National Vocational Qualifications. *Journal of Vocational Education and Training*. Vol. 49. No. 4. M.s. 617-624.

Adnan Kamis.1993.Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang. DalamAdnan Kamis.1993. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas*. Bangi: UKM. 260 – 267.

Ahamad Sipon.2003. *Program Pendidikan Teknikal/Vokasional Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menangani Cabaran Masa Depan*. Kertas Ucap Utama Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional. 29-30. Julai 2004, Hotel Caterina, Batu Pahat. Tidak diterbitkan.

California State University.1994. *University Policy Manual: Co-Curricular Courses*. Sacramento: California State University.
<http://www.csus.edu/acaf/univmanual/cocurcres.htm> . Dicapai pada 22 Mac 2003.

Callan, V. J. 2003. *Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes*. Kensington Road: NCVER.

Dawe, S. 2002. *Focusing on Generic Skills in Training Packages*. Kengsington Road: NCVER.

Ismail Bakar.2003. Penjuruteraan Semula Pendidikan Teknik Vokasional: Satu

Cabaran Pemikiran Dan Tinjauan. *Jurnal Pendidikan Teknikal*. Jilid 3, No. 1-2004. 24-36.

Kearns, P. 2001. *Generic Skills for the New Economy*. Kensington Park : National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 41 -64.

Keystone Central School District.2002. *Philosophy of Co-Curricular Activities* <http://www.kcsd.k12.pa.us/guides/hs/cocurr.html> . Dicapai pada 22 Mac, 2003.

Matthews, B. 2000. *Co-Curricular Philosophy*. Bunbury: Bunbury Cathedral Grammar School. http://www.begs.wa.edu.au/home/co_curricular.htm . Dicapai pada 21 Mac 2003.

Michigan State Universiti.1988. *Opportunities for Renewal: The Report of the Cauncil to Review Undergraduate Education*. Michigan: East Lansing. 42-50.

Mohamad Nor Mohamad Taib.1990. *Pandangan Pelajar Dan Ibu Bapa Terhadap Gerakerja Kokurikulum Sekolah Menengah*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana Pendidikan.

Mustafa Kamal Ali.2000. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar-Pelajar Melayu Tingkatan 4 Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Rancangan Felda Daerah Segamat Selatan* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

National Academy Foundation.2001. *Co-Curricular Enhancements*. USA:

National Academy Foundation.

<http://nafnetwork.net/resources/NAFResourcesCenter/cocurricular>. Dicapai pada 23 Mac 2003.

NCVER's Glosorry of Australian VET Training Terms.2003. *Generic Skills*.

<http://www.ncver.edu.au/generic.htm>. Dicapai pada 24 Jun 2003.

Potrafka, R. M. et. al. 1997. *The World Wide Web, Student Organizations, and Co-Curricular Transcripts*. University of Missouri- Rolla. 1-12.

Seo, Andy K.H.2003. *Smart Partnership Between Vocational Technical Training Institutions with the Industry in Creating Skill Workers*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional. 29-30 Julai 2004 di Hotel Caterina, Batu Pahat. Tidak diterbitkan.

Strom, B. T. 1996. "The Role of Philosophy in Education – for - Work." *Journal of Industrial Teacher Education*. Vol. 33. No. 2. 77-82.

Switzer, R. 2002. *Co-Curricular Program*. Busselton: Georgiana Molloy Anglican School. <http://www.gmas.wa.edu.au/co-curriculum.htm> . Dicapai pada 22 Mac 2003.

Teng Bon Tong.1984. *Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah (Edisi ke-2)*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-4.

Vasudevan T. Arosoo.1988. *Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan Dan Pentadbiran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.1-8.

Walker, V. N. 2002. *Office of Co-Curricular Life*. Sweet Briar: Sweet Briar College. <http://sbc.edu/cocurricular/about/> . Dicapai pada 20 Mac 2003.

Warwick, D. 1989. Interpretation and Aims." Dalam Warwick, D. 1989. "Linking Schools and Industry. Oxford: Basil Blackwell Ltd..

Wirth, A. G. 1992. *Education and Work for the Year 2000: Choices We Face*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Yusoff Ismail 1993. Peranan Pendidikan Jasmani Dalam KBSM. Dalam Adnan Kamis 1993. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 235-243.

Lampiran A : Min Kemahiran Generik.

| Kemahiran Generik | Item-Item Berkaitan | Min Pensyarah | Min Pelajar |
|----------------------|---------------------------|---------------|-------------|
| Kemahiran komunikasi | Lisan Bahasa Melayu | 4.26 | 4.33 |
| | Lisan Bahasa Inggeris | 3.59 | 3.42 |
| | Penulisan Bahasa Melayu | 4.16 | 4.28 |
| | Penulisan Bahasa Inggeris | 3.44 | 3.45 |
| | Mendengar | 4.23 | 4.35 |
| | Memberi arahan | 4.26 | 4.16 |
| | Memahami arahan | 4.20 | 4.27 |
| | Menyampaikan maklumat | 4.25 | 4.09 |
| | Memahami maklumat | 4.19 | 4.12 |
| | Mentafsir lambang | 3.82 | 3.80 |

| | | | |
|--------------------------------|---|---------------|---------------|
| | Mentafsir simbol | 3.81 | 3.82 |
| | Mentafsir moto | 3.83 | 3.82 |
| | Mentafsir logo | 3.79 | 3.77 |
| | Mentafsir warna | 3.84 | 4.07 |
| | Mentafsir bahasa isyarat | 3.94 | 3.61 |
| | Min kemahiran komunikasi | 3.9754 | 3.9567 |
| Kemahiran penyelesaian masalah | Berani berhadapan masalah | 4.21 | 4.13 |
| | Yakin mengatasi masalah | 4.23 | 4.12 |
| | Menyedari kewujudan masalah | 4.05 | 4.05 |
| | Kenal pasti punca masalah | 4.05 | 3.99 |
| | Menyenarai alternatif | 4.11 | 3.90 |
| | Memilih alternatif | 4.02 | 4.02 |
| | Melaksanakan penyelesaian | 4.02 | 3.99 |
| | Membuat penilaian | 3.93 | 4.01 |
| | Sabar menghadapi masalah | 4.06 | 4.22 |
| | Bermotivasi berhadapan masalah | 4.04 | 4.12 |
| | Min kemahiran penyelesaian masalah | 4.0728 | 4.0544 |
| Kemahiran membuat keputusan | Berani buat keputusan | 4.19 | 4.14 |
| | Yakin buat keputusan | 4.11 | 4.07 |
| | Mengenal pasti keperluan | 4.02 | 3.98 |
| | Keputusan pada masa yang tepat | 4.02 | 3.74 |
| | Menyenarai alternatif | 4.05 | 3.83 |
| | Memilih alternatif | 4.07 | 3.98 |

| | | | |
|----------------------|--|------|---------------|
| | Melaksanakan keputusan | 4.17 | 4.12 |
| | Membuat penilaian | 3.98 | 3.97 |
| | Bertanggungjawab | 4.20 | 4.13 |
| | Keputusan tidak berasaskan emosi | 4.09 | 4.02 |
| | Min kemahiran membuat keputusan | | 4.0901 |
| Kemahiran kepimpinan | Memberi arahan | 4.21 | 3.88 |
| | Bekerja lebih masa | 4.15 | 3.94 |
| | Boleh ubah suai | 4.06 | 3.96 |
| | Memberi motivasi | 4.17 | 3.82 |
| | Menjadi teladan | 4.25 | 3.86 |
| | Memberi bimbingan | 4.35 | 3.95 |
| | Tabah hadapi dugaan | 4.22 | 4.17 |
| | Berani membuat perubahan | 4.25 | 4.03 |
| | Bekerja tanpa pengawasan | 4.25 | 3.87 |
| | Menghormati orang lain | 4.56 | 4.42 |
| | Berlaku adil | 4.36 | 4.30 |
| | Amanah | 4.48 | 4.29 |
| | Menerima teguran | 4.33 | 4.15 |
| | Mengawal emosi | 4.23 | 4.03 |
| | Menjaga kebijakan | 4.22 | 3.96 |
| | Bertanggungjawab | 4.36 | 4.30 |
| | Jujur | 4.33 | 4.27 |
| | Berdaya saing | 4.25 | 4.09 |

| | | | |
|----------------------------------|---|---------------|---------------|
| | Komited | 4.27 | 4.18 |
| | Intelektual | 4.20 | 4.10 |
| | Min kemahiran kepimpinan | 4.2698 | 4.0796 |
| Kemahiran bekerja dalam kumpulan | Membantu ahli | 4.35 | 4.27 |
| | Selesai masalah bersama | 4.36 | 4.23 |
| | Buat keputusan bersama | 4.27 | 4.18 |
| | Menerima idea orang lain | 4.33 | 4.31 |
| | Menyumbang idea | 4.31 | 4.18 |
| | Boleh menerima kritikan | 4.23 | 4.18 |
| | Boleh bekerja dengan ahli lain | 4.30 | 4.23 |
| | Boleh bekerja dengan orang bawahan | 4.40 | 4.09 |
| | Menentukan objektif kumpulan | 4.20 | 4.02 |
| | Menentukan strategi kumpulan | 4.23 | 4.07 |
| | Min kemahiran bekerja dalam kumpulan | 4.2975 | 4.1776 |
| Kemahiran interpersonal | Berhadapan orang ramai | 4.17 | 3.66 |
| | Mempengaruhi orang lain | 3.90 | 3.54 |
| | Kemukakan idea kepada orang atasan | 4.13 | 3.76 |
| | Menjelaskan idea kepada ahli | 4.15 | 3.93 |
| | Keterampilan diri | 4.29 | 4.16 |
| | Bergaul dengan pelbagai kaum | 4.30 | 4.16 |
| | Bergaul dengan pelbagai status | 4.30 | 4.27 |
| | Bergaul dengan rakan berbeza | 4.31 | 4.34 |
| | | 4.25 | 4.24 |

| | | | |
|----------------------|--|---------------|---------------|
| | negeri Menghormati prinsip orang lain Menerima orang lain tanpa syarat | 4.13 | 4.11 |
| | Min kemahiran interpersonal | 4.1925 | 4.0176 |
| Kemahiran pengurusan | Menentukan matlamat | 4.11 | 3.87 |
| | Menetapkan objektif | 4.13 | 3.86 |
| | Menyusun program | 4.10 | 3.74 |
| | Memilih strategi | 4.02 | 3.82 |
| | Mengoptimum penggunaan sumber | 4.15 | 3.87 |
| | | 4.10 | 3.88 |
| | Kerja dalam organisasi formal | 4.05 | 3.82 |
| | Menentukan struktur | 4.20 | 3.99 |
| | Mengagihkan tugas | 4.11 | 3.98 |
| | Mengenal pasti kekuatan | 4.05 | 3.84 |
| | Mengenal pasti kelemahan | 4.18 | 3.86 |
| | Mengurus kewangan | 4.23 | 3.83 |
| | Mengurus sumber manusia | 4.15 | 3.82 |
| | Mengendali peralatan | 4.03 | 3.82 |
| | Sistem dokumentasi | 4.30 | 4.11 |
| | Mengurus masa | 4.17 | 4.18 |
| | Penilaian ke atas diri | 4.09 | 3.87 |
| | Penilaian ke atas orang lain | 4.10 | 4.01 |
| | Penilaian ke atas matlamat | 4.10 | 3.97 |

| | | | |
|------------------------------|------------------------------------|---------------|---------------|
| | Penilaian ke atas objektif | 4.02 | 3.86 |
| | Penilaian ke atas program | 3.96 | 3.83 |
| | Penilaian ke atas strategi | 4.00 | 3.85 |
| | Menangani konflik | 4.09 | 4.00 |
| | Menangani konflik secara rundingan | 3.83 3.98 | 3.87 3.74 |
| | Menangani konflik dari pelanggan | 3.99 | 3.85 |
| | Wujudkan konflik yang membina | 4.05 4.07 | 3.90 3.89 |
| | Menetapkan piawaian | 4.05 | 4.09 |
| | Mengesan kesilapan | 4.13 | 3.94 |
| | Menyelia perkembangan | | |
| | Matlamat yang sama | | |
| | Mengawal sumber | | |
| | Min kemahiran pengurusan | 4.0826 | 3.8955 |
| MIN KEMAHIRAN GENERIK | | 4.1408 | 4.0257 |